



## MENTERI BESAR SELANGOR SEMPURNAKAN MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH IDAMAN BSP

---

**SELANGOR, 27 Ogos 2024** – Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), dengan kerjasama MGB Berhad (“MGB”), penyedia solusi perkhidmatan pembinaan dan pembangunan harta tanah, dan anak syarikat LBS Bina Group Berhad (“LBS”), hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Idaman BSP di Bandar Saujana Putra, Selangor.

Terletak di Bandar Saujana Putra, Rumah Idaman BSP merupakan rumah pertama daripada enam (6) buah projek Rumah Idaman MBI di bawah MGB Berhad, di bawah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk menawarkan kediaman mampu milik kepada semua rakyat yang berkelayakan dan menetap di Selangor.

Rumah Idaman BSP, sebuah pembangunan strategik di Bandar Saujana Putra, terdiri daripada 1,312 unit pangsapuri dua blok, dengan keluasan 19.30 ekar dan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM375 juta. Projek ini menawarkan pelbagai pilihan rumah mampu milik dengan reka bentuk pelan berbeza, bermula dengan harga RM250,000. Kesemua unit ini dibina dengan teliti untuk memenuhi kehendak pemilik rumah moden, dan dilengkapi dengan perkakas penting termasuk penghawa dingin, peti sejuk, almari, kabinet dapur televisyen, dan pemanas air.

Seperti semua pembeli kediaman LBS, pemilik Rumah Idaman BSP juga berpeluang untuk menyertai Keahlian eksklusif ‘LBS Perks & Plusses’, sebuah program kesetiaan pelanggan khas yang menawarkan pelbagai faedah dan keistimewaan yang membolehkan pembeli rumah Idaman BSP merasai pengalaman menarik di sepanjang perjalanan mereka memiliki kediaman baru ini.

Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Bin Shari, Menteri Besar Selangor, dan turut dihadiri oleh tetamu kehormat seperti YB Datuk Borhan bin Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor; YB Dato’ Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar bin Raja Salim, CEO PNSB; YBhg. Tan Sri Ir (Dr) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan MGB

## **Untuk Siaran Segera**

Berhad; YBhg Dato' Dr. TPr. Juhari bin Ahmad, Pengarah Eksekutif LPHS; dan YBhg Tuan Isaac Lim, Timbalan Pegawai Eksekutif MGB Berhad.

Tan Sri Ir. (Dr) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan MGB, berkata, "Kami berbangga dapat bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk merealisasikan visi dalam menyediakan rumah mampu milik kepada semua rakyat Malaysia. Dengan pengalaman luas dalam industri pembinaan, MGB yakin dapat membina Rumah Idaman MBI yang berkualiti tinggi sekali gus menetapkan penanda aras baru bagi segmen rumah mampu milik Selangor. Sistem Pratuang IBS mengukuhkan lagi komitmen kami untuk menjadi penyedia penyelesaian perumahan dengan teknologi IBS yang canggih. Matlamat kami adalah memastikan pelancaran bagi projek Rumah Idaman MBI yang akan datang dilancarkan dengan baik sekaligus dilihat sebagai batu loncatan bagi pertumbuhan berterusan pada tahun-tahun akan datang."

CEO PNSB, YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar Bin Raja Salim berkata "Kami amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan MGB dalam projek perumahan mampu milik kali ini. Perkongsian ini bukan sahaja sejajar dengan komitmen PNSB untuk meningkatkan akses perumahan rakyat tetapi juga menunjukkan dedikasi kami menyampaikan kualiti perumahan dan mutu nilai kepada masyarakat. Melalui jalinan kerjasama ini, ia telah memberi impak yang besar dalam menyediakan rumah yang berpatutan dan berkualiti tinggi untuk semua,"

YAB Dato' Seri Amirudin menekankan komitmen teguh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kesejahteraan rakyatnya untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi dan selesa yang dilengkapi dengan kemudahan penting. Beliau yakin terhadap kejayaan Rumah Idaman BSP dan projek Rumah Idaman MBI yang lain, berikutan lokasi strategik dan harga yang mampu milik selain dilengkapi dengan perkakas asas, yang dapat meningkatkan kualiti hidup keseluruhan bagi penduduk Selangor.

-Tamat-

---

### **Mengenai Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) - [www.pnsb.com.my](http://www.pnsb.com.my)**

Permodalan Negeri Selangor Berhad, atau lebih dikenali sebagai PNSB, adalah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor di bawah pengawasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Sebagai organisasi subsidiari Kerajaan Negeri Selangor, PNSB memberi tumpuan kepada pembangunan harta tanah sebagai perniagaan terasnya, dengan membangunkan harta tanah kediaman dan komersial serta kawasan perumahan dan bandar yang mampan dan mampu milik di Selangor dan Lembah Klang.

Melalui anak syarikatnya, PNSB menawarkan perkhidmatan insurans melalui PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PIBSB), perkhidmatan perundingan pengurusan projek melalui PNSB

## **Untuk Siaran Segera**

Management Consultancy Sdn. Bhd. (PMC), aktiviti perlombongan melalui PNSB Trading Sdn. Bhd. (PTSB), dan perkhidmatan penerokaan aeronautik melalui PNSB Aero Frontier Sdn. Bhd. Sementara itu, dalam sektor hartanah, ia menerajui usaha pembangunan hartanah untuk perumahan mampu milik di bawah skim 'Projek Rumah Idaman' melalui anak syarikatnya, PNSB Construction Sdn. Bhd. (PCSB). Dengan misinya untuk mempelbagaikan perniagaan, PNSB telah menu buhkan PNSB Investment Venture Sdn. Bhd. (PIV) untuk menerajui usahanya dalam ruang Modal Teroka.

PNSB juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kerana ia merupakan anak Syarikat Kerajaan yang mempunyai kesedaran memainkan peranan aktif dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi pihak kerajaan negeri Selangor dan PNSB sendiri.

### **Mengenai MGB Berhad**

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad ("MGB") telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan hartanah dengan perhatian utama memfokuskan kepada penyelesaian kepada penyediaan pembinaan yang lebih efisien serta kos efektif yang merangkumi kepelbagaiannya industri, terutamanya pasaran pembinaan secara meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi gaya hidup rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka bentuk, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod cemerlang selama 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari sebanyak 29,000-unit hartanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah berjaya menyiapkan 12,000 buah rumah dengan menggunakan teknologi IBS.

Untuk keterangan lanjut, layari [www.mgbgroup.com.my](http://www.mgbgroup.com.my).

---

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

**Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital  
LBS Bina Group Berhad  
Emel: [media@lbs.com.my](mailto:media@lbs.com.my)**

**Lee Tec Minn  
Emel: [leetm@mgbgroup.com.my](mailto:leetm@mgbgroup.com.my)**